

Tingkah Laku Politik Pengundi Di Kawasan DUN Panchor, Kelantan

The Political Behaviour of Voters in the State Legislative Assembly Area of Panchor, Kelantan

Abdul Aly Syafiq Mohd A'Asri
¹Junaidi Awang Besar

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondence email: ¹jab@ukm.edu.my

ABSTRAK

Dinamika politik Malaysia yang unik mempengaruhi tingkah laku politik masyarakat untuk mengundi parti politik kegemaran masing-masing sebagai salah satu hak rakyat untuk mengundi pemimpin yang berkaliber. Pemahaman atau ideologi sesebuah parti politik yang berbeza mampu mencorakkan tahap tingkah laku individu tersebut untuk keluar mengundi parti kegemaran berdasarkan minat, tingkah laku dan tahap pemahaman individu terhadap parti politik tersebut. Tingkah laku politik pengundi juga memberi salah satu perhatian terhadap fenomena politik yang berlaku dan menfokuskan kepada struktur dinamika politik itu sendiri dan bagaimana ia mempengaruhi keputusan politik, kuasa dan struktur sosioekonomi negara. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan makalah ini untuk mengkaji faktor sokongan pengundi terhadap parti politik di kawasan DUN Panchor, Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Teknik menganalisis data digunakan dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Hasil kajian mendapati bahawa 96 peratus responden menyatakan faktor utama pengundi mengundi Perikatan Nasional (PN) adalah atas dasar pengalaman dan jasa ketika mentadbir negara ketika era Pandemik COVID-19. Seterusnya, 96 peratus responden menganggap PAS memperjuangkan syariat Islam sebagai tonggak tertinggi dan 58 peratus responden pula mengundi PH disebabkan oleh parti berbilang kaum yang sesuai dengan etnik pengundi. Seterusnya, 83.7 peratus responden menyatakan jasa BN dalam memajukan negara merupakan salah satu faktor pengundi mengundi Barisan Nasional (BN). Hasil kajian juga mendapati bahawa 100 responden merasakan pemilihan parti politik memberi kesan kepada pembentukan kerajaan. Kesimpulannya, kajian ini penting kerana dapat menambah ilmu pengetahuan, dapat memberi penerangan tentang sikap pengundi yang mencorakkan identiti parti politik itu sendiri, dapat menambah data berkaitan kajian politik pilihan raya dan diharap menjadi rujukan kepada parti politik dan pihak kerajaan supaya dapat meneliti isu dan permasalahan yang berlaku agar lebih peka dalam memenuhi keperluan masyarakat sebaik mungkin.

Kata Kunci: tingkah laku politik, parti politik, pengundi, fahaman politik, pilihan politik

ABSTRACT

The unique political dynamics of Malaysia influence the political behaviour of the community to vote for their individual favourite political party as one of the people's rights to vote for leaders of caliber. The understanding or ideology of a different political party can pattern the level of behaviour of the individual to get out to vote for the favourite party based on the individual's interests, behaviour, and level of understanding of the political party. Voter's political behaviour also pays attention to the prevailing political phenomena and focuses on the structure of political dynamics itself and how it influences political decisions, power, and the socio-economic structure of the country. Therefore, the purpose of writing this article to examine the factors of voter support for political parties in the state legislative assembly area of Panchor, Kelantan. This study used a method of collecting field data, which involved questionnaires, interviews, and field observations. Data were analysed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software. The results of the study found that 96 percent of respondents stated that the main factor for voters to vote for the Perikatan Nasional (PN) was based on experience and services when governing the country during the COVID-19 Pandemic era. Furthermore, 96 percent of respondents considered PAS fighting for Islamic law as the highest pillar and 58 percent of respondents voted for PH due to multi-racial parties that fit the voters' ethnicity. Furthermore, 83.7 percent of respondents stated that BN services in advancing the country were one of the factors of BN voters. The results of the study also found that 100 respondents felt that the election of political parties had an impact on government formation. In conclusion, this study is important because it can increase knowledge, can shed light on the attitudes of voters who pattern the identity of the political party itself, can add data related to the study of electoral politics and is expected to be a reference to political parties and the government so that they can examine the issues and problems that occur to be more sensitive in meeting the needs of the community as best as possible.

Keywords: political behaviours, party politics, voter, political understanding, political choice

1. Pengenalan

Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, setiap individu memegang peranan yang penting dalam pembentukan dan pemeliharaan demokrasi. Salah satu cara utama untuk melaksanakan tanggungjawab ini adalah melalui proses pengundian pilihan raya. Di Malaysia, rakyat bebas untuk memilih ahli Dewan Rakyat serta Dewan Undangan Negeri melalui pilihan raya yang dilaksanakan sama ada Pilihan Raya Kecil (PRK) atau Pilihan Raya Umum (PRU). Perhubungan antara tanggungjawab seorang pengundi dan tingkah laku pengundi adalah sangat rapat dan saling berkait. Tingkah laku pengundi ini boleh termasuk dengan aksi bertindak atau bereaksi semasa proses pengundian dan juga selepas pengundian. Tingkah laku ini boleh termasuk dengan keaktifan dalam mencari maklumat tentang calon dan dasar, kehadiran di pusat pengundian pada hari pilihan raya, cara menyuarakan undi, serta sikap selepas pengundian seperti menerima keputusan dengan terbuka dan menghormati proses demokrasi. Penyertaan politik daripada masyarakat juga seperti berkempen, menjadi ahli politik, memasang bendera, mendengar ceramah dan memberi ceramah merupakan hal sinonim yang sering dilaksanakan ketika pilihan raya, juga termasuk dengan tingkah laku pengundi. Misalnya, Crowe (1986), menyatakan dalam bukunya “*The Web Authority : Party Loyalty and Social Control in the British House of Commons*” bahawa norma organisasi dipertahankan melalui proses sosial yang melibatkan penggunaan sekatan (*sanctions*) untuk menguatkan persetujuan yang terintentalisasi. Hubungan autoriti antara pemimpin dan pengikut mencerminkan identiti sesebuah parti politik dan mempengaruhi tingkah laku individu, termasuk pengundi dan tingkah laku parti politik tersebut yang mencerminkan sifat parti politik tersebut. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis faktor sokongan pengundi terhadap parti politik di kawasan DUN Panchor, Kelantan.

2. Sorotan Literatur

Kajian lepas adalah terdiri daripada buku, jurnal, tesis, laporan, akhbar, prosiding dan juga kajian terkini yang pernah dikaji oleh pengkaji sebelumnya digunakan bagi ulasan literatur. Kesemua sumber ini merupakan kajian ilmiah yang kritis untuk menjawab permasalahan kajian mengikut isu tertentu. Umumnya terdapat banyak kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji luar negara dan dalam negara mengenai politik pilihan raya untuk bahan bacaan kepada pelbagai pihak. Justeru, bahagian ini akan menjelaskan kajian lepas berkaitan politik pilihan raya luar negara, dalam negara dan di negeri kajian iaitu Kelantan.

Untuk kajian politik pilihan raya luar negara, Berelson, Lazarfield et al. (1954), keputusan pengundi dalam proses pengundian ditentukan oleh latar belakang sosial pengundi, etnik, agama, tradisi keluarga, personaliti pengundi, dan tingkah laku atas isu-isu tertentu. Berdasarkan dua tokoh ini, ia menekankan bahawa status sosial dan keluarga seseorang pengundi memainkan peranan bagi menentukan sikap individu tersebut. John (1997) dalam kajian pilihan raya British mencadangkan bahawa heterogeniti adalah ciri penting tetapi sebahagian besarnya diabaikan dalam tingkah laku pengundian. Keputusan yang digariskan jelas menunjukkan bahawa pengundi kelihatan berbeza dalam keupayaan mereka untuk mengintegrasikan 34 sikap ke dalam sejenis 'sistem kepercayaan'. Pengundi yang sedar politik nampaknya mempunyai set sikap yang paling konsisten. Campbell et al. (1960) pula dalam kajian bukunya, "*The American Voter*" menerangkan bahawa identifikasi parti politik yang merupakan faktor utama dalam menentukan sikap tingkah laku individu untuk mengundi. Menerusnya, para pengundi mencabut undi melalui imej parti politik utama Amerika Syarikat iaitu parti politik *Republican* dan parti politik *Democratic* dan parti yang dipertandingkan mempunyai identiti, manifesto dan polisi tersendiri yang kuat untuk menarik minat para pengundi yang mempengaruhi tingkah laku para pengundi. Kajian Hilmy (2014) di Kabupaten Jombang menegaskan bahawa konteks institusi politik tempatan dan sosial sebagai pelaku yang mempunyai peranan penting dalam mengubah tingkah laku. Perubahan pola penyertaan masyarakat yang tidak sepenuhnya bergantung pada peraturan telah dibuat oleh rakyat, badan perwakilan atau pemimpin politik daerah tetapi berdasarkan isu tertentu. Gadavanij (2020) telah menyiasat prestasi identiti dan konsep pemimpin 'baik' yang dicerminkan dalam wacana bekas Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, seorang ahli politik yang kontroversi namun penting dalam politik kontemporari Thai. Perbincangan berhujah bahawa walaupun wacana yang menonjolkan gaya kepimpinan yang yakin dan memberontak mengukuhkan ikatan antara Thaksin dan penyokongnya, ia semakin menolak "yang lain", membawa kepada jurang ideologi yang semakin meningkat dan kemudiannya perasaan permusuhan di kalangan rakyat Thai.

Bagi kajian politik dalam negara, Muhammad Zaini & Novel (2021) mengartikulasikan bahawa propaganda yang dimainkan oleh media sosial boleh mempengaruhi persepsi seterusnya pendirian politik pengundi ketika hari pengundian. Pauline (2015) dalam kajiannya mendapati bahawa Barisan Nasional (BN) berjaya menggunakan media untuk mengekalkan kuasanya sejak 57 tahun lalu menjadikannya kerajaan yang paling lama berkhidmat di dunia yang masih memegang jawatan. Hasil mendapati peranan media terutamanya Web 2.0 telah meluaskan ruang awam dan membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia mengambil bahagian dalam proses demokrasi. Seterusnya, Junaidi et al. (2012) dalam sebuah artikel menjelaskan bahawa persepsi rakyat kawasan DUN Sarawak memberi impak kepada keputusan pilihan raya terutamanya pada golongan belia. Hasilnya mendapati isu pembangunan dijadikan modal kemenangan utama pihak BN manakala parti pembangkang mengetengahkan isu seperti kenaikan harga bahan api dan harga barang dalam kempennya. Junaidi (2022a) menyatakan bahawa orang ramai di kawasan luar bandar, khususnya pengundi atas pagar sudah pasti tertarik disebabkan mereka

lebih melihat kepada pengalaman dan sumbangan dilaksanakan calon, selain lebih memilih pemimpin calon tempatan. Junaidi (2018b) dalam wawancara wartawan akhbar Kosmo! pada 5 April menghuraikan bahawa rakyat akan menyokong parti yang memperjuangkan isu yang dekat di hati rakyat seperti isu sosial dan ekonomi.

Kajian politik pilihan raya di negeri Kelantan oleh Junaidi (2017) menyatakan bahawa perlakuan politik membawa kepada pilihan atau sokongan pengundi kepada calon atau parti politik dalam pilihan raya. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengundi di Parlimen Pasir Mas lebih mengutamakan kepentingan kepada kehidupan mereka terutamanya yang berkaitan dengan ekonomi, kebijakan, pembangunan, dan kemudahan awam terutama bagi pengundi muda. Junaidi (2021) dalam kajiannya berkenaan tentang sentimen kepartian dan personaliti pemimpin di kawasan DUN Chempaka menyatakan bahawa pengundi akan mengundi dalam pilihan raya sama ada berdasarkan sentimen kepartian ataupun personaliti pemimpin. Junaidi et al. (2012) menjelaskan tentang manusia dan interaksinya dengan proses pengundian di Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas di Gua Musang, Kelantan. Analisis PRK DUN Galas telah dibuat dari segi aspek isu dan strategi kempen ; politik pembangunan, pola pengundian, etnik dan faktor kemenangan. Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar (2011) menyatakan bahawa sokongan terhadap BN meningkat berbanding PAS dalam PRK Manek Urai tahun 2009 disebabkan oleh pengundi muda mula memberi kepercayaan kepada Kerajaan Pusat untuk membawa pembangunan ke Manek Urai.

3. Metod Dan Kawasan Kajian

3.1 *Kaedah Pengumpulan Data dan Analisis Data*

Bagi proses penyelidikan kajian ini, pengkaji lebih mengaplikasikan kaedah penyelidikan campuran iaitu sumber diperoleh daripada sumber primer (pemerhatian di lapangan, dan soal selidik) dan sekunder (salinan keras dan sumber atas talian), kaedah persampelan data (soal selidik dan temu bual) dan kaedah penganalisisan data (aplikasi SPSS). Sumber primer adalah terhad. Oleh itu, penggunaan sumber data sekunder sangat penting untuk menyokong dan mengukuhkan lagi dapatan yang diperoleh daripada data primer. Dalam proses pengumpulan data primer, pengkaji menggunakan instrumen borang soal selidik yang lebih memberi tumpuan kepada penduduk setempat yang menjadi pengundi di kawasan DUN Panchor. Instrumen ini adalah lebih menjurus kepada pendekatan kajian kuantitatif.

Seterusnya, kaedah temu bual bersempena dijalankan untuk mendapatkan maklumat daripada pihak berkepentingan dalam kajian ini. Kaedah ini adalah berbentuk semi-struktur dengan menyediakan soalan yang berbentuk formal. Walau bagaimanapun, penemubual juga diberikan kebebasan untuk menyoal dengan lebih mendalam berkenaan dengan jawapan yang diberikan oleh responden. Kaedah ini sesuai digunakan kerana iaanya akan menjadi antara sumber utama (sumber primer) untuk menghasilkan kajian lengkap berkaitan kesedaran tanggungjawab pengundi terhadap penglibatan dalam pilihan raya di kawasan DUN Panchor, Kelantan.

Pemerhatian di lapangan juga dijalankan pengkaji kerana kaedah ini merupakan salah satu kajian kualitatif. Kaedah ini salah satu alternatif bagi mendapatkan maklumat selain daripada soal selidik dan temu bual. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat meneliti tingkah laku pengundi di DUN Panchor dan melihat pelbagai ragam mereka. . Instrumen ini akan lebih memberikan gambaran yang nyata dan benar dalam bentuk foto mengenai situasi atau keadaan yang sebenarnya berlaku di kawasan kajian. Hal ini dapat menguatkan lagi bukti yang nyata tentang keadaan di kawasan kajian.


Selain itu, data sekunder iaitu jurnal, buku, majalah, artikel, akhbar, sumber daripada laman sesawang rasmi kerajaan mahupun institut awam kertas seminar dan persidangan serta laporan penyelidikan digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai kesedaran tingkah laku pengundi. Pengkaji juga pergi ke Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) bagi mendapatkan sumber rujukan dengan lebih banyak. Bahan seperti tesis dan latihan ilmiah pengkaji terdahulu juga digunakan oleh pengkaji.

Bukan itu sahaja, pengkaji juga turut menggunakan bahan kajian atas talian (online) bagi mendapatkan maklumat tambahan. Sumber maklumat ini diambil daripada internet yang sahih dan boleh dipercayai sebagai pelengkap buat sumber primer. Antara contoh kajian atas talian adalah seperti portal, web kerajaan dan swasta, e-akhbar, e-jurnal, e-mel. Facebook, Youtube, SMS, Whatsapp, Telegram Tik Tok, Twitter, Instagram dan sebagainya. Kaedah kajian atas talian ini sememangnya memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat dengan pantas.

Seterusnya, proses penganalisisan data dijalankan melalui kaedah makmal dengan menggunakan pakai teknologi SPSS bagi memudahkan penganalisisan data yang banyak dicerap di kawasan lapangan. Data hasil kaedah kualitatif pula akan dilakukan secara lisan (perbualan) dan jawapan direkod oleh penyelidik secara bertulis, menggunakan rakaman dan video. Data akan ditranskrip mengikut informan yang memberikan respon semasa temu bual dilakukan. Maklumat sekunder pula digunakan untuk mengukuhkan dapatan kajian supaya mencapai standard kajian.

3.2 Kawasan Kajian

Bagi menjalankan kajian yang lebih terperinci, satu kawasan kajian telah dirujuk. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan di kawasan DUN Panchor , dalam Kawasan Parlimen Pengkalan Chepa, Kelantan, Malaysia. Kawasan Parlimen Pengkalan Chepa ini mempunyai keluasan 85 km persegi. Kawasan DUN Panchor mempunyai 12 daerah mengundi, antaranya ialah Panchor, Taman Kemumin, Padang Tembak, Panji, Tapang, Kampung Belukar, Pasir Tok Kambing, Tok Ku, Pulau Belanga, Sering dan Pasir Kasar (Lihat Rajah 1). DUN Panchor berkeluasan 31 km persegi mempunyai jumlah pengundi seramai 28,509 orang sehingga PRU-14 (2018). Dari segi komposisi etnik, terdapat 97.75 peratus etnik Melayu, 1.48 peratus etnik Cina, 0.21 peratus etnik India dan 0.29 peratus etnik lain.



Rajah 1: Peta Kawasan DUN (N.07) Panchor, Pengkalan Chepa, Kelantan

Sumber : Diubahsuai daripada SPR 2018.

Kampung Panchor merupakan sebuah kampung yang terletak di Kota Bharu, Kelantan. Kawasan Panchor bersempadan dengan Kampung Chekok di sebelah kawasan Panji, bersempadan dengan kawasan Sering di sebelah timur. Kawasan DUN Panchor mempunyai bentuk muka bumi yang mendatar atau tanah pamah meliputi tanah lapang yang subur. Kampung Panchor juga berdekatan dengan pesisir pantai yang merupakan bahagian hilir Kelantan. Kawasan pesisir pantai terdapat dataran yang dikelilingi anak sungai yang sering mengalami proses pasang surut. Kawasan Panchor juga merupakan sebuah bahagian pilihan raya negeri di Kelantan, Malaysia yang mempunyai wakil di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan dengan kod N07.

Dari segi ekonomi, kawasan DUN Panchor terlibat dalam aktiviti ekonomi pertanian, ternakan, perikanan, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama bagi pertumbuhan ekonomi kira-kira terdapat sebanyak 1,474 perkhidmatan dan diikuti dengan sektor pembuatan yang merupakan penyumbang kedua tertinggi dengan bilangan sebanyak 176 sektor. Ini dapat dikaitkan dengan kewujudan kawasan perindustrian di kawasan DUN Panchor. Sektor perkhidmatan pula melibatkan perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan komunikasi, pengangkutan, utiliti dan perkhidmatan makanan dan minuman.

Keputusan PRN (2023) menunjukkan bahawa kawasan DUN Panchor masih dipilih oleh parti yang sama iaitu PAS di bawah wakil iaitu Mohd Amar Abdullah. Ini merupakan kemenangan kali keempat buat beliau di kawasan Panchor sejak tahun 2004. Walaupun, beliau menjawat jawatan Timbalan Menteri Besar Kelantan iaitu beliau banyak keputusan politik berbanding Menteri Besar namun jawatan beliau telah digantikan dengan calon yang baharu iaitu Dato' Dr. Haji Mohamed Fadzli selaku Timbalan Menteri Besar Kelantan yang baharu selepas PRN 2023.

Keputusan PRN-2023 ini masih kekal dimenangi oleh Dato' Mohd Amar Abdullah yang mewakili PN-PAS (18,700 undi) dengan majoriti 10,686 undi mengalahkan Syed Mohd Alidustur Bin Syed Mohd Zain daripada Pakatan Harapan (PH) yang memperoleh 8,014 undi. Sokongan kuat dan undi yang diterima oleh PN-PAS adalah kerana pengaruh beliau di Panchor yang sebelum ini telah memenangi empat penggal pilihan raya. Pengaruh di kawasan Tapang meraih undi melebihi 300 undi dengan undian tertinggi ialah sebanyak 529 undi di saluran 7. Jumlah pengundi semasa hari pengundian adalah seramai 42,768 orang dengan undi yang diterima adalah 27,140 dan undi yang ditolak/rosak adalah 318 undi serta selebihnya adalah undian yang tidak dibuang ke dalam peti undi.

4. Hasil Kajian Dan Perbincangan

Analisis dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif bagi menghuraikan objektif khusus untuk kajian berikut. Antara tiga objektif khusus bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti tingkah laku politik pengundi di kawasan DUN Panchor, Kelantan. Seterusnya, untuk mengkaji faktor sokongan pengundi terhadap parti politik di kawasan kajian dan untuk menganalisis sentimen politik semasa di kawasan DUN Panchor, Kelantan. Justeru, hasil yang diperoleh daripada soal selidik dan temu bual ini dapat mengukuhkan dapatan kajian.

4.1 Jenis Partisipasi dalam Politik Pilihan Raya

Partisipasi politik merupakan penyertaan masyarakat secara aktif dalam politik tidak mengira apa-apa kegiatan bagi menyampaikan hak bersuara kepada pemerintah sama ada secara langsung atau tidak langsung. Menurut Azmah dan Samsudin (2013), penyertaan pendapat merupakan hak dan tanggungjawab setiap individu dalam sesbuah negara yang demokrasi. Penglibatan pengundi di kawasan DUN Panchor boleh dilihat dalam beberapa cara mereka berpartisipasi berdasarkan minat, keahlian dan kesanggupan meluangkan masa serta tenaga kepada parti politik.

Jadual 1: Cara partisipasi dalam politik pilihan raya (peratus)

Bil	Jenis partisipasi dalam politik	Ya	Tidak
1.	Mengundi parti politik	90	10
2.	Mendengar ceramah politik	66	34
3.	Berkempen untuk parti politik	0	90
4.	Menjadi ahli parti politik	0	96
5.	Menjadi petugas hari mengundi seperti di kaunter pendaftaran, sebagai penunjuk arah bilik mengundi, berkawal di bilik mengundi dan di kaunter bilik mengundi yang dilantik SPR	12	88
6.	Menjadi pekerja parti politik	10	90
7.	Memberi ceramah politik	10	90

8.	Menjadi Pegawai seperti Pegawai Pengurus, Ketua Tempat Mengundi, Ketua Saluran Mengundi dan sebagainya di tempat mengundi yang dilantik SPR	10	90
9.	Menjadi Polling Agents/Ejen Mengundi (PA)	6	94
10.	Menjadi Counting Agents/Ejen Pengira (CA)	6	94
11.	Menjadi Barong Agents/Ejen Barong (BA)	6	94
12.	Menyertai hari penamaan calon	6	94
13.	Membayai/menyumbangkan duit atau material kepada parti politik	4	96

Sunber: Soal selidik (2024)

Jadual 1 menunjukkan ‘cara partisipasi dalam politik pilihan raya’ di kawasan DUN Panchor. Berdasarkan hasil dapatan kajian, jenis partisipasi yang paling tinggi mengikut responden adalah ‘mengundi parti politik’ iaitu sebanyak 90 peratus. Hal ini kerana pengundi merasakan mengundi adalah satu tanggungjawab dan akan turun mengundi parti politik pilihan mereka pada hari pilihan raya. Sebagai buktinya, keputusan PRN-2023 masih kekal dimenangi oleh Dato’ Mohd Amar Abdullah yang mewakili PN-PAS (18,700 undi) dengan majoriti 10,686 undi mengalahkan Syed Mohd Alidustur Bin Syed Mohd Zain daripada Pakatan Harapan (PH) yang mendapat jumlah undian sebanyak 8,014 undi. Pengaruh di kawasan Tapang meraih undi melebihi 300 undi dengan undian tertinggi ialah sebanyak 529 undi di saluran 7. Jumlah pengundi semasa hari pengundian adalah seramai 42,768 orang dengan undi yang diterima adalah 27,140. Hal ini jelas menunjukkan sebanyak 63 peratus pengundi telah didaftarkan nama di pusat mengundi yang turun mengundi pada hari pilihan raya tersebut.

Seterusnya, responden bersetuju bahawa ‘mendengar ceramah politik’ iaitu sebanyak 66 peratus merupakan cara mereka partisipasi dalam politik pilihan raya. Hal ini kerana tujuan ceramah diadakan semasa tempoh pilihan raya adalah untuk meraih sokongan sekali gus pengundi dapat mengetahui isu politik semasa tidak kira mengenai pembangunan, kebijakan rakyat, pendidikan, agama dan sebagainya. Dapatan ini disokong dengan kajian oleh Abdullah, Roslan dan Mohd Amirul (2008) yang menyatakan bahawa ceramah dilihat sebagai faktor penting yang boleh membuat para pengundi menimbang sama ada untuk menyokong atau menolak sesebuah parti. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ceramah boleh memberi gambaran jelas kepada pengundi menilai isu politik dari sudut negatif dan positif.

Akhir sekali, dapatan kajian mendapati sebanyak 12 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ‘Menjadi petugas hari mengundi seperti di kaunter pendaftaran, sebagai penunjuk arah bilik mengundi, berkawal di bilik mengundi dan di kaunter bilik mengundi yang dilantik SPR’. Hal ini dikatakan kerana tanggungjawab sebagai seorang petugas pilihan raya adalah satu tugas yang penting yang melibatkan kejujuran, integriti, dan ketelitian dalam melaksanakan tugas. Individu yang menjaga sikap profesionalisme, sikap neutral dan mematuhi peraturan akan membantu memastikan pilihan raya berjalan dengan lancar dan adil. Sebagai contoh, petugas akan menguruskan pendaftaran pengundi, menyusun tempat pengundi, memantau proses pengundian, dan mengira undi. Mereka juga akan bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman di pusat mengundi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa walaupun masyarakat tidak melibatkan diri untuk berkempen di pentas politik namun boleh berbakti kepada proses demokrasi tersebut yang juga mempengaruhi tingkah laku individu.

4.2 Turun Mengundi Pada PRU-15 (2022) dan PRN-15 (2023)

Semasa PRU-14 dan PRU-15, senario politik berlaku di Malaysia pula telah menjadi isu semasa yang menarik minat masyarakat kerana adanya persaingan sengit antara parti yang bertanding. Sebelum PRU-15, Perdana Menteri ke-9 iaitu Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob telah membubarkan Parlimen bagi membuka laluan kepada pelaksanaan PRU-15 kerana beliau mahu menghentikan spekulasi mengenai kerajaan pimpinannya. “Mandat akan dikembalikan kepada rakyat” yang dikatakan Perdana Menteri merupakan permulaan kepada PRU-15. Dalam waktu yang sama, Pilihan Raya Negeri (PRN) Kelantan ke-15 turut diadakan sebagai langkah demokrasi yang seiringan dengan pelonggaran yang diberikan oleh Perdana Menteri pasca pandemik COVID-19. Justeru, bagi mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam, soalan ‘adakah anda mengundi dalam PRU-15 (2022) dan PRN-15 (2023)’ disertakan dalam borang soal selidik bagi meninjau berapa banyak responden yang turun mengundi semasa pilihan raya di kawasan DUN Panchor.

Berdasarkan dapatan daripada analisis soal selidik, sebanyak 97 peratus responden turun mengundi pada 19 November 2022 lalu dan 61 peratus pada 12 Ogos 2023. Hal ini kerana pada PRU-15, rakyat dapat menarik nafas yang lega selepas peristiwa Kemelut Politik 2020-2022 yang menyaksikan pertukaran kerajaan sebanyak tiga kali selepas PRU-14 dan dicengkam oleh pandemik COVID-19 yang menyebabkan pergerakan masyarakat menjadi terhad. Selepas Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan tarikh pelaksanaan PRU-15, rakyat dapat diberikan mandat balik dan menjalankan proses demokrasi selepas ketidakstabilan politik dan sosioekonomi ketika pandemik COVID-19. Selain itu juga, PRN-15 yang diadakan tidak mendapat sambutan baik bagi jumlah pengundi yang keluar mengundi kerana kebanyakan Masyarakat tidak bersedia untuk keluar mengundi. Hal ini dapat dibuktikan dalam e-akbar Berita Harian (2023) menjelaskan bahawa antara faktor masyarakat tidak ramai keluar mengundi adalah disebabkan oleh pertukaran jawatan Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar Kelantan dan kebanyakan pengundi luar tidak pulang ke kampung halaman untuk mengundi dan ketiadaan pengangkutan yang disediakan. Perkara tersebut menyebabkan peratusan keluar mengundi adalah rendah.


4.3 Faktor Sokongan Pengundi Terhadap Parti Politik

Secara tradisional, sokongan pengundi terhadap parti politik di Malaysia adalah dipengaruhi oleh pelbagai jenis faktor yang kompleks. Faktor ini termasuk sejarah politik negara, isu-isu semasa, identiti etnik, agama, ekonomi dan juga personaliti pemimpin politik. Justeru, untuk melengkapkan kajian ini, terdapat beberapa faktor sokongan pengundi bagi responden di kawasan DUN Panchor.

Rajah 2 menunjukkan hasil kajian bagi faktor sokongan pengundi terhadap parti politik. Seramai 98 peratus bersetuju bahawa PN menguasai sokongan pengundi melalui faktor ‘dasar dan pengalaman mentadbir negara ketika pandemic COVID-19’. Hal ini disebabkan ketika Negara mulai dilanda pandemik COVID-19, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 untuk mengekang penularan wabak COVID-19 dan mewujudkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan sebagai satu pendekatan untuk mengekang penularan pandemik tersebut yang menular lebih teruk dengan pemberian vaksin kepada semua lapisan masyarakat.

Seterusnya, hasil dapatan mendapati seramai 96 peratus responden bersetuju bahawa ‘PAS memperjuangkan syariat Islam sebagai tonggak tertinggi’ dan ‘pengaruh media sosial PN (Tik Tok) yang berkesan’. Hal ini dikatakan demikian kerana PAS yang termasuk dengan

Perikatan Nasional terkenal dengan menegakkan syariat Islam sebagai ideologi utama. Ideologi ini telah tertanam dalam jiwa rakyat Kelantan sejak PAS mengambil tumpuk pemerintahan negeri tiga dekad yang lalu.



RAJAH 2: Faktor Sokongan Pengundi Terhadap Parti Politik

Sumber: Soal selidik 2024

Akhir sekali, sebanyak 94 peratus responden menganggap ‘kepimpinan Tan Sri Muhyiddin yang mesra rakyat (panggilan ‘Abah’) menjadi antara faktor sokongan pengundi terhadap parti politik. Hal ini dikatakan demikian kerana corak pemerintahan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dikatakan ‘dekat di hati rakyat’ kerana cara beliau menguruskan kerajaan ketika pandemik COVID-19 dimana langkah yang proaktif untuk menangani isu sosioekonomi di samping membantu rakyat ketika waktu getir. Ketika itu, gelaran ‘Abah’ mula diperkenalkan yang menjadi ‘trending’ di media sosial yang menampakkan beliau sebagai figur seorang ayah yang membantu anak-anaknya dalam waktu kesusahan (Berita Harian, 2020).

4.4 Pendapat Umum Mengenai Sentimen Politik Semasa

Pilihan raya sememangnya penting demi masa depan rakyat dan negara. Namun, setiap pandangan, perasaan dan sikap masyarakat yang peka dengan isu politik semasa boleh dipengaruhi oleh ideologi, manifesto dan cara penyampaian maklumat daripada parti politik boleh mempengaruhi tingkah laku individu tersebut.

JADUAL 2: Pendapat umum mengenai Sentimen Politik Semasa (Peratus)

Bil.	Sentimen Politik Semasa	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Saya merasa media sosial memainkan peranan penting dalam membentuk sentimen politik masyarakat.	60	25	15

2.	Saya muak dan kecewa dengan isu politik pilihan raya sekarang.	55	20	25
3.	Saya merasa tidak selesa/tidak yakin dengan Kerajaan Perpaduan.	50	35	15
4.	Saya merasa Kerajaan Perpaduan sekarang betul-betul berkhidmat untuk rakyat dan bukannya masih berpolitik untuk mengekalkan kuasa semata-mata.	16	72	12
5.	Saya merasa janji dan kata-kata pemimpin pada masa sekarang tidak boleh dipercayai.	50	25	25

Sumber: Soal selidik 2024

Jadual 3 menunjukkan pendapat umum mengenai sentimen politik semasa. Hasil kajian mencatatkan sebanyak 60 peratus responden bersetuju dengan pendapat ‘Saya merasa media sosial memainkan peranan penting dalam membentuk sentimen politik masyarakat’. Hal ini dipersetujui oleh Maryville University (2022), bahawa media sosial memainkan peranan yang amat penting dalam memperkembangkan ideologi sesebuah parti politik. Hal ini kerana setiap imej, video, demografi, data dan propaganda boleh diubah dan dimanipulasi untuk menarik perhatian individu terutamanya golongan belia dengan menarik perhatian tahap psikologi mereka untuk membuang undi terhadap sesebuah parti politik.

Seterusnya, pernyataan ‘Saya muak dan kecewa dengan isu politik pilihan raya sekarang’ mendapat peratus kedua tertinggi dengan nilai 55 peratus. Hal dikatakan demikian kerana sesetengah parti politik seperti PN akan memainkan isu politik yang sama seperti isu agama dan perkauman yang majoritinya kaum Melayu akan tertarik. Namun begitu, kaum Cina dan India sudah muak dan kecewa dengan naratif yang dibawakan oleh PN dan menyokong PH yang kini membawa naratif perpaduan dan kemajuan ke arah sekularisme yang tidak menyentuh isu 3R. Ini disebabkan kerana masyarakat sudah serik isu politik terkini yang sentiasa membawa naratif yang negatif dan tidak membincang isu untuk membangunkan negara.

Akhir sekali, pernyataan ‘Saya merasa tidak selesa/tidak yakin dengan Kerajaan Perpaduan’ mencatat nilai sebanyak 50 peratus responden. Hal ini dikatakan demikian kerana Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Dato’ Seri Anwar Ibrahim merupakan kerajaan yang baru tertubuh selepas PRU-15. Ramai masyarakat spekulasi bahawa Kerajaan Perpaduan yang asasnya majoriti PH sudah hilang keyakinan selepas Kemelut Politik 2020-2022 di mana ketika itu, Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad menguasai Putrajaya di bawah parti PH. Namun, beliau telah meletak jawatan secara mengejut pada 24 Februari 2020 yang secara rasminya menamatkan pemerintahan PH selama 22 bulan. Rakyat masih tidak menerima gabungan PH kerana parti tersebut mempunyai partisipasi daripada pelbagai kaum yang menolak naratif majoriti Melayu yang inginkan Kerajaan yang ditadbir oleh majoriti kaum Melayu dan bukan berbagai kaum.

Menurut Encik Muhammad Amiruddin Abdullah (pekerja swasta), beliau menyatakan bahawa:

“Ya, saya bersetuju bahawa media sosial memainkan peranan penting dalam membentuk sentimen politik rakyat kerana apa yang dilihat, dan didengar boleh membentuk satu kepercayaan terhadap parti itu sendiri. Tidak keri sama ada ia benar atau tidak, peranannya yang boleh memanipulasikan fikiran kita, itu lah yang menyebabkan kita percaya”.

(Encik Muhammad Amiruddin Abdullah 24 April 2024)

Menurut Puan Nor Sharifah Nor Haida, (pekerja swasta), beliau menyatakan bahawa :

“Walaupun saya kurang yakin dengan Kerajaan Perpaduan tapi saya masih percaya bahawa PM kita boleh membawa negara kita ke landasan yang betul. Kita hanya perlu berikan masa kepada mereka untuk menjalankan tugas mereka dan bukan terus percaya kepada berita angin yang dibawa oleh pihak yang ingin melihat Kerajaan Perpaduan jatuh dan menyebabkan satu lagi kemelut politik. Habis sepenggal, kalau puas hati kitakekalkan. Kalau tidak puas hati, kita ubah. Mandat berada di tangan kita dan inilah proses demokrasi yang betul”.

(Puan Sharifah Nor Haida 26 April 2024)

Menurut Encik Muhammad Adib Rashid, (bekerja sendiri), beliau menyatakan bahawa :

“Sejujurnya saya sudah lama hilang kepercayaan terhadap PAS kerana mereka selalu memain naratif yang sama, setiap Pilihan Raya Negeri ataupun Pilihan Raya Umum. Terdapat banyak lagi isu yang ingin diselesaikan dan untuk memperbaiki keadaan negeri. Naratif agama dan kaum memang bagus tapi jika ia terlalu ekstrem, siapa yang mahu wakil rakyat macam mereka?”

(Encik Muhammad Adib Rashid 27 April 2024)

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, tingkah laku politik pengundi memberi satu persepsi dan pandangan yang berbeza terhadap masyarakat bergantung tahap kepercayaan individu masing-masing. PRU-15 dan PRN-15 telah menyaksikan perubahan landskap politik selepas negara ini telah keluar daripada kemelut politik dan ketidakstabilan sosioekonomi disebabkan oleh wabak pandemik COVID-19. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden banyak melibatkan diri dengan mengundi parti politik, mendengar ceramah politik dan menjadi petugas pada hari mengundi. Majoriti responden yang disoal selidik berpendapat bahawa media sosial memainkan peranan penting dalam membentuk sentimen politik masyarakat kerana pelbagai jenis ideologi dan propaganda yang dilontarkan kepada masyarakat boleh mempengaruhi tahap psikologi mereka dan tingkah laku individu. Dengan itu, setiap maklumat yang ditayangkan sama ada melalui media arus perdana atau media sosial, pengundi ada hak untuk menerima atau menolak maklumat tersebut bergantung atas kepercayaan individu itu sendiri untuk membuang undi terhadap parti politik kegemaran mereka. Justeru, kajian ini merupakan sebuah kajian berilmiah yang penting untuk ilmu pengetahuan, menambahkan data baru dalam politik pilihan raya, strategi pelaksanaan dasar, rujukan pengkaji akan datang serta bahan bacaan untuk masyarakat supaya mereka sedar akan kepentingan penglibatan dalam pilihan raya.

Rujukan

- Abdullah@Kassim Mohamad, Roslan Lateh & Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli. (2008). Pengaruh ceramah politik dalam kempen pilihan raya umum ke-12, 2008. *Forum Komunikasi* 7(1): 41-50.
- Azmah Ab. Wahab & Samsudin A. Rahim. (2013). Kredibiliti media dan penyertaan dalam persekitaran pendemokrasian maklumat di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 29(1): 141-160.

- Berita Harian. (2023). Peratus keluar mengundi PRN rendah : Apa punca dan siapa dapat kelebihan, siapa terkesan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1139379/peratus-keluar-mengundi-prn-rendah-apa-punca-dan-siapa-dapat> [12 Mei 2024].
- Berita Harian. (2020). Muhyiddin Perdana Menteri Pragmatik. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/698520/muhyiddin-perdana-menteri-pragmatik> [12 Mei 2024].
- Berelson, B. R., Lazarsfeld, P. F. & McPhee, W. N. (1954). *Voting: a study of opinion formation in a presidential campaign*. Chicago: Chicago University Press.
- Campbell, A., Converse, P. E., Miller, W. E. & Stokes, D. E. (1960). *The American Voter*. New York : Willey.
- Crowe Edward. (2020). *The Web of Authority: Party Loyalty, and Social Control in the British House of Commons*. Washington University.
- Gadavanij Savitri. (2020). Contentious polities and political polarization in Thailand: Post-Thaksin reflections. *Discourse & Society*. 31(1): 44-63.
- Hilmy Mochtar. (2014). Public participation and political culture: a case study of voting behaviour in Jombang regency. *Open Journal of Political Science* 4(4): 244-249.
- John, B. (1997). Political awareness and heterogeneity in models of voting: some evidence from the British election studies. *Journal of Elections Public Opinion and Parties* 7(1): 1-22.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Novel Lindon, Noor Azizah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir dan Ahi Sarok. (2012). Isu Semasa dan Persepsi Belia Terhadap Politik dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak 2011. *Journal of Society and Space*. 8(8): 138-148.
- Junaidi Awang Besar. (2022a). Mahu Pengundi Pilih Calon. GETARAN. <https://www.getaran.my/artikel/politik/34743/poster-tok-mat-penuhi-rembau-itu-bukti.bn-mahu-pengundi-pilih-calon>. [9 November].
- Junaidi Awang Besar. (2018b). Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14. Najib pimpin BN hadapi pilihan raya umum paling getir. *Akhbar Kosmo!* Halaman 10. Khamis 5 April.
- Junaidi Awang Besar. (2017). Tingkah laku Pengundi dan Pilihan Politik di Kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan. *Malaysia Journal of Society and Space*. 13(3): 97-111.
- Junaidi Awang Besar. (2021). Sentimen Kepartian dan Personaliti Pemimpin Pada Pilihan Raya Umum 2018: Kajian di Kawasan DUN Chempaka, Kelantan. *Akademika*. 91(1): 81-96.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, dan Mohd Faidz Mohd Zain. (2012). Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas, Kelantan : Analisis Geografi Pilihan Raya. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 7(1): 64-74.
- Maryville University. (2022). Social Media's Influence on Elections. <https://online.maryville.edu/blog/social-media-influence-on-elections/> [14 Mei 2024].
- Muhammad Adib Rashid (bekerja sendiri). (2024). Sumber maklumat dan politik semasa di kawasan DUN Panchor, Kota Bharu, Kelantan. Temu bual, 27 April.
- Muhamad Amirrudin Abdullah (pekerja swasta). (2024). Sumber maklumat dan politik semasa di kawasan DUN Panchor, Kota Bharu, Kelantan. Temu bual, 24 April.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2011). Pembangunan dan Pola Pengundian dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manek Urai, Kelantan. *Geografia Online : Malaysian Journal of Society and Space*. 7 : 29-39.

- Muhammad Zaini Rizal Harris Fadilah & Novel Lyndon. (2021). *Peranan Media Sosial dalam Penyebaran Propaganda Politik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pauline, L. (2015). Political communication in Malaysia: A study on the use of new media in politics. *E-jounal of Edemocracy* 7(1): 46-71.
- Sharifah Nor Haida. (pekerja swasta). Sumber maklumat dan politik semasa di kawasan DUN Panchor, Kota Bharu, Kelantan. Temu bual, 26 April.